

Isytihar perang ke atas dadah sekali lagi

23 September 2019

ANALISIS

Oleh KU SYAFIQ KU FOZI

Isytihar perang ke atas dadah sekali lagi

MACAM tak percaya pula apabila membaca berita rampasan kokain seberat 12 tan di Pulau Pinang baru-baru ini.

Jumlah 12 tan bukan sedikit, sama berat dengan empat buah lori. Nilainya RM2.4 bilion. Nilai yang sangat besar, tambah lagi RMO.2 bilion menyamai nilai dana yang 'dimainkan' untuk menjatuhkan sebuah kerajaan.

'Industri' dadah ini bukan kecil keuntungannya. Sebut sahaja nama El Chapo atau Pablo Escobar, kita memang tahu mereka berenang dalam duit dengan hasil berniaga dadah.

Cuma sedikit mengejutkan, negara kita menjadi transit untuk urus niaga haram ini, menyebabkan kerja kita membanteras perkara ini semakin sukar.

Jika dadah itu diimport dan dijual dalam negara, kita boleh isytihar perang besar-besaran terhadap dadah seperti yang kita lakukan 20 tahun lalu. Dengan cara ini, permintaan terhadap dadah dapat dihentikan, dan tanpa permintaan maka najis jelik ini tidak lagi diimport ke dalam negara.

Melihat situasi sekarang, kita perlu perkasakan pihak berkuasa dalam negara. Ja-

nganlah nafikan lagi keperluan mendesak ini. Keselamatan negara kini terancam, ibarat nyawa di hujung tanduk.

Sedikit sebanyak kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menghidu dan merampas 60 guni arang batu yang mengandungi kokain di Pelabuhan Butterworth, Pulau Pinang itu berjaya mengharumkan nama negara.

Kaedah yang diguna pakai bukan biasa-biasa. Pada akal orang awam seperti kita, pasti tidak menyangka serbuk kokaina boleh disorok dalam karung guni arang batu. Malah, menurut sumber ter-

dekat, mungkin bahan lain seperti palet kayu dan logam juga digunakan untuk menyeludup bahan tersebut.

Apa-apa pun, pihak berkuasa perlu segera mempersiapkan diri untuk berhadapan dengan lebih banyak taktik licik oleh penyeludup dadah.

Ketiadaan teknologi bukan lagi alasan kerana kita bertanggungjawab menyediakan negara yang selamat buat seluruh warga negara.

Dadah sama ada dari luar atau dalam negara adalah musuh kita buat selamanya.